

21/11/2003

Buktikan Islam benci keganasan

Norbakti Alias

LANGKAWI: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mahu umat Islam di negara ini terus membuktikan Islam tidak menggalakkan keganasan dengan mengajak penganut agama lain dalam pelbagai acara anjuran mereka.

Katanya, jemputan kepada penganut agama lain seperti menghadiri majlis berbuka puasa sedikit sebanyak dapat memberikan penjelasan yang lebih baik kepada mereka mengenai Islam.

"Walaupun mereka (penganut agama lain) tidak berpuasa, mereka tetap bersama berbuka dengan kita dan pada masa sama melihat cara orang Islam beribadat yang tidak melakukan apa-apa yang pelik.

"Kita lihat ada orang bukan Islam yang menghadiri majlis berbuka puasa di masjid tanpa mempunyai perasaan curiga," katanya sebelum berbuka puasa dengan hampir 1,000 orang di Masjid Lama Ulu Melaka di sini, semalam.

Turut hadir, isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Datuk Abu Bakar Taib yang juga Ahli Parlimen Langkawi.

Ini kali pertama Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah ke Langkawi selepas beliau bersara sebagai Perdana Menteri hujung bulan lalu.

Dr Mahathir berkata, Islam sukakan perdamaian dan tidak menyuruh umatnya bermusuh dengan penganut agama lain kecuali kepada mereka yang memusuhi Islam.

Sehubungan itu, Dr Mahathir mahu rakyat negara ini terus mengekalkan perpaduan yang ada untuk memastikan keamanan yang dikecapi.

Pada majlis sama, Dr Siti Hasmah turut menyampaikan bantuan berupa pakaian dan wang tunai kepada 16 orang yang kurang bernasib baik.

Terdahulu, Dr Mahathir yang tiba di sini kira-kira jam 1.30 tengah hari melawat Telaga Harbour Park, Pantai Kok untuk menaiki kapal layar Obsession ke Kelab Pelayaran Diraja Langkawi di Kuah sebelum ke Galeria Perdana yang menyimpan koleksi barangan pemberian kepada Dr Mahathir sepanjang menjadi Perdana Menteri.

Di sana, beliau meninjau projek membuat arca berbentuk tangan yang dibuat oleh seorang pengukir dari Zimbabwe, Gerald Takawira.

Ukiran bernilai RM200,000 yang dijangka siap dua bulan lagi itu akan diletakkan di pekarangan galeria itu.

Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah yang bermalam Tok Senik Resort akan berlepas ke Alor Star pagi ini sebelum dijangka berbuka puasa di Masjid Bandar Darulaman.